

UPM jadi pilihan penuntut luar

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima pendaftaran seramai 8,585 penuntut pasca siswazah bagi pengambilan universiti itu tahun ini.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah berkata, jumlah itu membabitkan sebanyak 6,025 penuntut sarjana dan 2,560 penuntut Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Menurutnya, pendaftaran penuntut antarabangsa seramai 2,429 orang kali ini juga menunjukkan bahawa UPM sentiasa menjadi destinasi pilihan penuntut pasca siswazah.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan majlis lafaz ikrar seramai 2,010 penuntut baru pasca siswazah semester pertama 2009/2010 UPM Sekolah Pengajian Siswazah (SPS).

Sementara itu, beberapa penuntut ditemui selepas majlis itu memberikan reaksi pelbagai apabila menjadikan UPM sebagai institusi pilihan pengajian.

Bagi penuntut Sains Komputer peringkat PhD, Imas Sukaesih Sitanggang, 34, berkata, dia memilih UPM kerana status universiti itu sebagai salah sebuah universiti penyelidikan bertaraf antarabangsa.


"Saya amat berbangga menjadi salah seorang penuntut UPM dan berharap dapat berkongsi ilmu yang dipelajari di sini dengan penuntut-penuntut saya di Indonesia bila tamat pengajian nanti," katanya yang juga pesyarah Universiti Pertanian Bogor, Indonesia.

Sementara, Rwaveno Bama, 36, dari Nigeria berkata, UPM menjadi pilihannya setelah dia mendapat pandangan beberapa rakan-rakannya yang menjadi belajar di sini, selain ia adalah sebuah universiti penyelidikan terkemuka di rantau Islam.

"Saya akan mengambil kursus PhD dalam bidang 'Public Health' di Fakulti Perubatan Veterinar, UPM kerana fasiliti pembelajaran



● Pasangan adik beradik, Annie Yong Ing Ing, 23 (kiri) dan abangnya, Yong Hua Long, 32.



● Penuntut baru melafazkan ikrar di UPM baru-baru ini.

yang lengkap dan terkini.

"Lagipun saya berhasrat untuk memberi pendedahan mengenai bidang ini kepada rakyat Nigeria," katanya yang sebelum ini mempunyai ijazah sarjana dari Ahmadu Bello University, Zaria, Nigeria.

Bagi Aiman Dandi, 29, dari Libya pula berkata, UPM menjadi pilihannya kerana kualiti pendidikan yang bermutu selain Malaysia adalah negara Islam seperti negaranya.

"Saya mengambil kursus Sarjana Applied Radiation di Fakulti Sains UPM. Walaupun saya mempunyai ijazah Nuclear Engineering dari Al-Fatah Uni-

versiti di Libya tetapi bidang yang saya ambil di UPM ini mempunyai kaitan," katanya yang bercadang untuk bekerja di Malaysia.

Tidak ketinggalan mendaftar adalah graduan orang kelainan upaya (OKU) Nurul Atikah Salim, 22, yang melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan walaupun baru sahaja bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 baru-baru ini.

"Ilmu yang ada masih



● NURUL ATIKAH SALIM

belum cukup. Lagipun saya masih belum bersedia untuk bekerja kerana terpaksa menggunakan alat sokongan kaki ketika berjalan," katanya yang berjaya membuktikan kekurangan yang dimiliki sejak lahir tidak membataskan usahanya.

Pendaftaran kali ini juga disertai pasangan adik beradik Annie Yong Ing Ing, 23, dan abangnya Yong Hua Long, 32, kedua-duanya dari Sibul, Sarawak yang mengikuti jurusan mengambil kursus Pentadbiran Perniagaan (MBA).

"Kami membuat keputusan bersama-sama mengambil kursus MBA di UPM kerana kursus itu agak popular dan mempunyai reputasi terbaik," kata Annie yang berjaya memujuk abangnya untuk meneruskan pelajaran bersamanya.

**pendaftaran
2,429**